



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

BOLA TAMPAR

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

- 1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Tampar (Wanita) Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang diselolakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Kategori Pertandingan

- 1.2.1. Pertandingan Bola Tampar PSKK 2026 dipertandingkan dalam kategori berpasukan wanita.

No.	Kategori
1.	Bola Tampar Kategori Wanita (W)

- 1.2.2. Setiap agensi hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan bagi pertandingan Bola Tampar Kategori Wanita (W).

2. PERATURAN UMUM

- 2.1. Selain daripada peraturan pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026), Peraturan Fédération Internationale de Volleyball (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang sedang berkuat kuasa.

- 2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.
- 2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana peraturan rasmi FIVB, teks asal yang diterbitkan oleh FIVB hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.
- 2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026, Peraturan Fédération Internationale de Volleyball (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang sedang berkuat kuasa.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Bola Tampar PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	16 hingga 18 November 2026 (Isnin - Rabu)
Tempat	Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES) Selangor, Shah Alam

- 3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1. Setiap agensi yang menyertai pertandingan ini hendaklah mendaftarkan penyertaan bagi semua acara yang dipertandingkan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan penyertaan agensi berkenaan ditolak atau dibatalkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan pemain mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan pemain, pemain simpanan, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026).

No.	Kategori	Pemain	Simpanan	Pengurus	Jurulatih
1.	Bola Tampar Kategori Wanita (W)	6	6	1	1

- 4.3. Semua pemain hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.4. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 4.5. Sebarang pendaftaran pemain yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

- 4.6. Sebarang permohonan pindaan pendaftaran pemain selepas tarikh tutup hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.7. Sesebuah pasukan hendaklah mempunyai bilangan pemain minimum yang ditetapkan mengikut Peraturan FIVB dan MAVA untuk memulakan sesuatu perlawanan.
- 4.8. Borang penyertaan yang mengandungi senarai nama dan nombor jersi mestilah dihantar 2 minggu sebelum tarikh kejohanan berlangsung. Setiap pasukan boleh mendaftar maksimum 1 orang Libero sahaja.
- 4.9. Bagi setiap pasukan yang bertanding, setiap perlawanan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - 4.9.1. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada dua belas (12) orang pemain yang terdiri daripada enam (6) pemain utama dan enam (6) pemain simpanan. Hanya pemain yang berdaftar dibenarkan bermain sepanjang pertandingan.
 - 4.9.2. Setiap pasukan diwajibkan memastikan sekurang-kurangnya satu (1) orang pemain veteran atau pegawai berada di dalam gelanggang sepanjang tempoh perlawanan yang sedang berlangsung. Pemain veteran atau pegawai ini akan ditandakan menggunakan reben untuk membezakan dengan pemain-pemain lain.
 - 4.9.3. Hanya dua (2) orang pemain profesional yang pernah mewakili Negeri dan Negara iaitu **SUKMA** dan **SUKAN SEA (bermula tahun 2024 hingga kini)** sahaja dibenarkan mendaftar dalam Kejohanan ini.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Peraturan Am PSKK 2026, Perkara 11.0 (Pertandingan) dan jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.2. Dua (2) agensi akan diberikan status pilihan (seeded) berdasarkan keputusan Divisyen 1 Pertandingan Bola Tampar PSKK Ke-46 Tahun 2024 dan akan ditempatkan dalam kumpulan yang berbeza semasa undian peringkat kumpulan.
- 5.3. Umur pemain veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.
- 5.4. Semua jadual pertandingan adalah tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.5. *WALK-OVER* adalah tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan atau sebab lain tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengadil. Jika mana-mana pasukan memberi kemenangan *WALK-OVER*, kategori tersebut akan dimenangi oleh pihak lawan sama ada sebelum atau selepas permainan dimulakan.
- 5.6. Pengurus atau Ketua Pasukan hendaklah mengemukakan senarai pemain kepada Ketua Pengadil 30 minit sebelum setiap perlawanan bermula.
- 5.7. Pertukaran nama pemain selepas penyerahan senarai susunan permainan tidak akan dilayan.
- 5.8. Semua perlawanan hendaklah berjalan sebagaimana dijadualkan. Permohonan untuk penangguhan tidak akan dilayan kecuali atas sebab-sebab yang telah

dinyatakan.

- 5.9. Di peringkat kumpulan, setiap pasukan hendaklah bermain kesemua perlawanan yang dipertandingkan.

6. PERALATAN

- 6.1. Semua peralatan pertandingan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Peraturan FIVB dan MAVA yang sedang berkuat kuasa.
- 6.2. Hanya bola rasmi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 boleh digunakan sepanjang pertandingan.
- 6.3. Sebarang kerosakan atau ketidakselamatan terhadap peralatan pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Pegawai Teknikal sebelum atau semasa pertandingan berlangsung.
- 6.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menggantikan atau menukar mana-mana peralatan pertandingan sekiranya didapati tidak sesuai atau tidak memenuhi keperluan pertandingan.

7. WAKTU PERTANDINGAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

- 7.1. Semua perlawanan hendaklah dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 7.2. Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada pegawai pertandingan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum waktu perlawanan yang dijadualkan.
- 7.3. Mana-mana pemain atau pasukan yang gagal melaporkan diri mengikut masa yang ditetapkan boleh dianggap gagal hadir dan tindakan lanjut hendaklah diambil mengikut Peraturan Pertandingan ini serta keputusan Ketua Pengadil.
- 7.4. Semua pasukan hendaklah bersedia untuk memulakan perlawanan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak memulakan perlawanan lebih awal atau lewat daripada jadual yang ditetapkan sekiranya keadaan memerlukan.
- 7.5. Sekiranya sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan akibat kegagalan hadir atau sebab-sebab lain yang dibenarkan di bawah Peraturan Pertandingan ini, keputusan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengadil.
- 7.6. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau menjadualkan semula sesuatu perlawanan sekiranya berlaku keadaan yang boleh menjejaskan kelancaran atau keselamatan pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan peralatan, gangguan teknikal, bencana, cuaca, arahan pihak berkuasa atau keadaan luar jangka yang lain.

- 7.7. Sebarang perubahan terhadap jadual pertandingan hendaklah dimaklumkan kepada semua agensi secepat mungkin.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

- 8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan kerjasama Persatuan Bola Tampar Selangor.
- 8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas mengikut Peraturan FIVB, MAVA, Peraturan Pertandingan ini dan Peraturan Am PSKK 2026.
- 8.3. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi arahan serta keputusan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu perlawanan adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan FIVB, MAVA, serta Peraturan Am PSKK 2026, jika berkenaan.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

- 9.1. Semua perlawanan peringkat kumpulan dan suku akhir hendaklah dimainkan menggunakan sistem *Best of Three* (25 - 25 - 15) dan perlawanan peringkat separuh akhir dan akhir akan dimainkan menggunakan sistem *Best of Five* (25 - 25 - 25 - 15) sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026. Pertukaran gelanggang pada set penentuan hendaklah dilakukan apabila salah satu pasukan mencapai lapan (8) mata.

- 9.2. Perlawanan bagi set pertama hingga set keempat, pasukan yang mencapai dua puluh lima (25) mata terlebih dahulu dengan kelebihan sekurang-kurangnya dua (2) mata akan diisytiharkan sebagai pemenang. Jika berlaku seri 24-24, pasukan yang mencapai perbezaan dua (2) mata dahulu akan dikira pemenang. Sekiranya kedudukan seri berlanjutan sehingga 30-30, pasukan yang mencapai mata ke-31 terlebih dahulu akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 9.3. Perlawanan bagi set penentuan (ketiga bagi *Best of Three* atau kelima bagi *Best of Five*), pasukan yang mencapai lima belas (15) mata terlebih dahulu dengan kelebihan sekurang-kurangnya dua (2) mata akan diisytiharkan sebagai pemenang. Jika berlaku seri 14-14, pasukan yang mencapai perbezaan dua (2) mata dahulu akan dikira pemenang. Sekiranya kedudukan seri berlanjutan sehingga 20-20, pasukan yang mencapai mata ke-21 terlebih dahulu akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 9.4. Setiap pasukan dibenarkan mengambil dua (2) kali masa rehat (*time-out*) dan membuat lapan (8) pertukaran pemain (*substitution*) bagi setiap perlawanan mengikut Peraturan 8 Pertandingan ini.

10. SISTEM PENGIRAAN MATA DAN KEDUDUKAN

10.1. Berikut adalah sistem pemberian mata.

Menang	Kalah	Lucutan Teknikal
3 Mata	0 Mata	0 Mata (25-0, 0-25)

10.2. Sekiranya pada akhir perlawanan pusingan awal terdapat dua atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, maka cara menentukan kedudukan akan dibuat mengikut sistem kiraan berpandu kepada Peraturan Pertandingan FIVB

10.2.1. Pada peringkat liga kumpulan, jika terdapat dua atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama:

Bilangan perlawanan yang dimenangi akan menentukan kedudukan tempat teratas.

10.2.2. Sekiranya masih terdapat keadaan seri:

$$C = \frac{\text{Jumlah set yang menang (Semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set yang kalah}}$$

Pasukan yang nisbah setnya lebih tinggi akan menduduki tempat teratas.

10.2.3. Sekiranya masih terdapat keadaan seri:

$$Z = \frac{\text{Jumlah mata yang menang (Semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata yang kalah}}$$

Pasukan yang nisbah matanya lebih tinggi akan menduduki tempat teratas.

- 10.2.4. Sekiranya masih terdapat keadaan seri antara dua pasukan, keputusan perlawanan antara dua pasukan yang berkenaan akan diambil kira. Pasukan yang menang perlawanan itu menduduki tempat atas.

11. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 11.1. Semua pemain hendaklah memakai jersi yang seragam mengikut warna dan reka bentuk yang didaftarkan oleh pasukan.
- 11.2. Jersi mestilah bernombor yang berukuran sekurang-kurangnya 15cm tinggi di bahagian tengah depan pada paras dada dan 20cm tinggi di bahagian tengah belakang. Lebar jalur pada nombor adalah 2cm. Jersi kapten pasukan mesti ada jalur berukuran 8cm panjang dan 2cm lebar yang menggariskan nombor depan di bahagian bawah. Jalur itu mesti dijahitkan atau dicetakkan. Menggunakan 'tape' adalah dilarang.
- 11.3. Nombor jersi hendaklah dari nombor 1 hingga nombor 20.
- 11.4. Pemain mesti memakai jersi (seperti dalam borang O2-bis) yang sama pada setiap perlawanan.
- 11.5. Pemain Libero hendaklah memakai jersi yang berbeza warna dan jelas berkontras dengan jersi pemain lain dalam pasukannya mengikut Peraturan FIVB dan MAVA yang sedang berkuat kuasa.

- 11.6. Nombor jersi hendaklah sentiasa dapat dikenal pasti oleh Pegawai Teknikal sepanjang perlawanan.
- 11.7. Pasukan yang tidak mematuhi peraturan pakaian pertandingan boleh diarahkan oleh Pegawai Teknikal untuk membuat pembetulan sebelum perlawanan dimulakan. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan tindakan diambil mengikut Peraturan Pertandingan dan Peraturan Am PSKK 2026.
- 11.8. Pasukan yang gagal memakai pakaian pertandingan mengikut peraturan boleh dibantah oleh pasukan lawan dan pasukannya boleh dibatalkan perlawanan.
- 11.9. Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah berpakaian kemas dan bersesuaian serta berkasut semasa berada di kawasan pertandingan. Pemakaian seluar jeans, seluar pendek selipar atau pakaian yang tidak sesuai adalah tidak dibenarkan.

12. SYARAT PERTANDINGAN

- 12.1. Hanya pemain yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 12.2. Pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang telah didaftarkan dan diluluskan.
- 12.3. Semua pemain hendaklah bersedia untuk bermain apabila dipanggil oleh Pegawai Teknikal atau Ketua Pengadil.
- 12.4. Semua pemain hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.

- 12.5. Semua pemain bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 12.6. Mana-mana pasukan atau pemain yang menarik diri daripada pertandingan selepas pengesahan penyertaan hendaklah mematuhi ketetapan yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.

13. KESALAHAN DAN DENDA

- 13.1. Semua pemain, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 13.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan pemain yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 13.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Undang-undang Peraturan Fédération Internationale de Volleyball (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang sedang berkuat kuasa serta keputusan Ketua Pengadil.
- 13.4. Mana-mana pemain, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

- 13.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan, selaras dengan Peraturan Am PSKK 2026.

14. BANTAHAN

- 14.1. Jika satu pasukan ingin membuat bantahan semasa permainan, Kapten Permainan hendaklah memaklumkan kepada pengadil Pertama bahawa pasukannya INGIN MEMBANTAH, dan ini akan direkodkan pada 'scoresheets'. Selepas tamat perlawanan tersebut, jika pasukan itu masih ingin membantah, maka Kapten Pasukan hendaklah menulis perkataan 'Saya Ingin Membuat Bantahan' dan menandatangani bantahan itu dalam 'scoresheets'.
- 14.2. Surat bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dalam masa satu (1) jam selepas tamat perlawanan dengan disertakan wang bantahan sebanyak sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300.00) sahaja secara tunai. Bantahan itu hendaklah diserahkan kepada juri yang bertugas untuk perlawanan tersebut.
- 14.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak meminta dokumen atau maklumat sokongan sebelum meluluskan sebarang permohonan pertukaran pemain.

15. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

- 15.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan Peraturan Fédération Internationale de

Volleyball (FIVB) dan Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA) yang sedang berkuat kuasa.

- 15.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

16. KESELAMATAN

- 16.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.
- 16.2. Semua pemain, pegawai pasukan dan peserta hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 16.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan pemain, pegawai atau orang awam.
- 16.4. Semua peserta bertanggungjawab memastikan keadaan fizikal masing-masing sesuai untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta mematuhi semua keperluan keselamatan yang ditetapkan.

17. PERKARA-PERKARA LAIN

- 17.1. Semasa permainan berlangsung, pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil.
- 17.2. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang menimpa pemain / pasukan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.
- 17.3. Semua peserta hendaklah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi selain mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan perjalanan pertandingan PSKK 2026 dilaksanakan dengan baik.
- 17.4. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak pada bila-bila masa mengesahkan identiti dan kelayakan mana-mana pemain sebelum, semasa atau selepas sesuatu perlawanan berlangsung.